

KEPERLUAN LITERASI MEDIA DALAM PENYERTAAN POLITIK BERINTEGRITI GOLONGAN MUDA

Mohd Sufiean Hassan

Kolej Universiti Islam Melaka,

Siti Nurshahidah Sah Allam

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

Mohd Afendi Daud

Kolej Universiti Islam Melaka,

Zaliffah Abd Wahab

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

ABSTRAK

Ledakan teknologi komunikasi menawarkan rencana penyebaran maklumat dengan efisyien, proses komunikasi lebih berkesan dan penyertaan politik lebih efektif berbanding media konvensional. Fenomena penggunaan media baharu dilapor mendedahkan pengguna media terutama golongan muda dengan impak media yang memberi kesan kepada keselamatan nasional dan keamanan negara. Hari ini, penyertaan politik tidak berintegriti dilakukan oleh pengguna media baharu berleluasa di siber seperti menimbulkan provokasi, penganjuran demonstrasi, penularan petisyen menuntut perhatian kerajaan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, hasutan, video parodi politik, *deep fake* terhadap ahli politik dan tindakan penularan gambar *superimpose* merupakan tindakan salah laku yang tidak berintegriti yang menjerumuskan pelaku tingkah laku jenayah. Tindakan tidak berintegriti ini dilakukan bertujuan menuntut perhatian kerajaan, menjatuhkan reputasi, membawa imej negatif terhadap ahli serta parti politik dan cubaan mengganggu keamanan negara. Justeru itu, kebanyakkan pengkaji sains sosial dan sains politik secara kolektif membentuk resolusi bahawa nilai integriti adalah signifikan dibentuk daripada perspektif media literasi untuk memandu dan mendidik masyarakat tentang penggunaan media yang beretika. Penggunaan media yang berintegriti dibuktikan dengan tahap penguasaan kemahiran daripada dimensi media literasi seperti akses, penilaian, penciptaan, dan tindakan. Kemahiran akses media sahih, menilai sumber media tepat, penciptaan kandungan media bermoral, dan tindakan beretika membentuk penyertaan politik berintegriti. Sumbangan media literasi amat penting terutama kepada negara demokrasi; kebebasan bersuara dan penyertaan politik dizahirkan berlandas nilai integriti. Model Penyertaan Politik Berintegriti daripada perspektif media literasi turut menyumbang kepada kurikulum pendidikan bagi membentuk kesedaran dan kefahaman penggunaan media beretika dari peringkat awal.

Kata kunci: *Literasi Media, Integriti Penyertaan Politik, Akses, Analisis Dan Penilaian, Penciptaan, Tindakan*

REQUIREMENTS OF MEDIA LITERACY IN INTEGRITY OF POLITICAL PARTICIPATION FOR YOUNG PEOPLE

ABSTRACT

The explosion of communications technology offers efficient information dissemination plans, more effective communication processes, and political participation than conventional media. The new media usage phenomenon is reported to expose media users, especially young people, to media impacts affecting national security and national security. Today, the political participation of the new media is rampant by cyber-media users such as provoking, organizing demonstrations, spreading

petitions demanding government attention, spreading false information, slander, sedition, political parody video, deep fake to politicians and superimpose transmission of infidelity are acts of misconduct that have no integrity leading to criminal behavior. This act of non-integrity was aimed at demanding the government's attention, bringing down its reputation, bringing a negative image to members and political parties, and attempting to disrupt the country's security. As such, many social sciences and political science researchers collectively form the resolution that the value of integrity is shaped from a literary media perspective to guide and educate the public on ethical media use. Integrated use of media is evidenced by the degree of proficiency in the dimensions of literacy media such as access, analysis and evaluate, create, and act. Legitimate media access skills, assessing the right media sources, the creation of moral media content, and ethical actions constitute political participation of integrity. The contribution of literacy media is particularly important to democratic countries; free speech and political participation are expressed at the expense of integrity. Integrated Political Participation Models from a media literacy perspective also contribute to the educational curriculum to build awareness and understanding of the use of ethical media from an early age.

Keywords: *Media literacy, Integrity of political participation, Access, Analysis and Evaluate, Create, Act*

PENGENALAN

Teori Literasi Media merupakan kemajuan daripada teori literasi. Bagi memahami kemajuan Teori Literasi Media ini, sorotan kajian ini menjurus kepada sejarah media dalam konteks global. Kajian ini membuktikan literasi wujud lebih daripada 4000 tahun SM (Rodman, 2010), di mana ianya bermula daripada konsep budaya literasi. Sejarah media membuktikan perkembangan media bermula daripada penciptaan kertas daripada pokok papirus (3000 tahun SM) dari negara Mesir dan bahan ini diproses menjadikan medium maklumat dicetak. Semenjak itu, budaya lisan (oral), iaitu penyebaran maklumat melalui pengucapan.

Terdapat beberapa kekurangan budaya lisan seperti kaedah penyebaran maklumat kepada kumpulan sasaran adalah terhad seperti pengucapan awam oleh pemimpin politik bagi meraih sokongan namun maklumat yang disebarluaskan tidak kekal, tiada bukti bercetak dan sekaligus maklumat yang diterima oleh kumpulan sasaran bersifat sementara. Inovasi teknologi komunikasi terus berkembang terutama dalam proses penerbitan. Penciptaan mesin cetak menggunakan metal dilaporkan mencetus fenomena perubahan media sebagai agen penyebaran maklumat. Revolusi percetakan oleh Johannes Gutenberg (1436), bukan sahaja mengubah budaya lisan kepada budaya percetakan, malah percetakan menggunakan logam dari Jerman ini turut mengatasi kekurangan budaya lisan, iaitu maklumat yang dicetak mampu disebarluaskan kepada seluruh dunia, maklumat bersifat kekal kerana dicetak dan menjadi bukti kepada sumber maklumat tersebut. Di samping itu, revolusi kaedah percetakan menggunakan logam menjadikan proses percetakan lebih efektif berbanding blok kayu sebelum ini.

Percetakan buku berkembang dengan kewujudan mesin cetak yang memudahkan proses penerbitan. Namun percetakan buku telah membawa kepada fenomena baharu di mana buku Walter Lipmann (1922), *Public Opinion* tentang realiti pelaporan berita dan peranan masyarakat dalam mempengaruhi politik membuat keputusan melalui perdebatan umum diedarkan secara meluas telah membuka mata masyarakat dalam sistem demokrasi bahawa mereka berhak bersuara dan memberi pendapat dalam pembentukan polisi kerjaan, dalam erti kata lain adalah penyertaan politik di kalangan masyarakat umum.

Sekitar tahun 1600, risalah dan suratkhabar turut dicetak untuk bacaan umum. Ketika ini penciptaan kertas daripada negara China telah menggantikan kertas pokok papirus dan sekaligus penciptaan kertas *paperback* oleh Tsai Lun ini merancakkan lagi aktiviti percetakan maklumat untuk edaran yang lebih luas kepada pembaca dan sekaligus memerlukan pendidikan literasi di kalangan masyarakat. Pada tahun 1642 di Massachusetts undang-undang mewajibkan kanak-kanak diajar membaca buku diperkenalkan menjadikan jumlah kadar literasi meningkat dan ianya diperkuuhkan

lagi dengan percetakan suratkhabar pertama (1690) di Amerika Syarikat yang mengandungi berita *human interest* menjadikan sumber maklumat ini murah dan mudah dimiliki.

Peningkatan pembaca suratkhabar semakin meningkat (1830) disebabkan oleh konsep *penny press*, iaitu jualan suratkhabar lebih murah kerana wujud ruangan iklan dan penggunaan kertas *newsprint* menjadikan medium ini pilihan utama pembaca dalam mendapatkan maklumat terkini gazet kerajaan dan isu semasa. Ianya dihangatkan lagi dengan kandungan berita sensasi dan provokasi melalui pelaporan skandal artis, kes jenayah dan salah laku kerajaan. Fenomena peningkatan jumlah pembacaan suratkhabar merujuk kepada keupayaan pengguna media mencari dan mendapatkan maklumat adalah tepat merujuk kepada literasi maklumat. Namun, hal ini tidak disenangi oleh golongan elit kerana pelaporan benar dan berbukti tidak lagi menjadi keutamaan di dada akhbar kerana permintaan pembaca adalah kandungan sensasi serta provokasi.

Persoalannya, sejauh mana masyarakat umum layak dan kompeten menyertai politik dalam mempengaruhi proses membuat keputusan oleh kerajaan melalui penggunaan media. Isu ini membawa kepada kajian literasi media yang merujuk kepada keupayaan untuk mengakses, menganalisis, menilai dan menyampaikan mesej dalam pelbagai bentuk melalui media (Aufderheide, 1992). Objektif ideologi literasi media adalah untuk melahirkan pengguna media mahir dan cekap menggunakan kandungan media secara beretika bagi membentuk penyertaan politik berintegriti (UNESCO, 2008).

Pengkaji dalam bidang media dan pendidikan berpendapat literasi media merupakan kemahiran penting dalam era informasi digital, di mana teknologi secara langsung mampu meningkatkan kadar penyertaan politik secara atas talian dan konvensional di kalangan golongan muda (Ashley & Maksl, 2017) berbanding media tradisional seperti suratkhabar, radio dan television (Bakker & Vreese, 2011) dilaporkan hanya mempengaruhi penyertaan politik konvensional seperti membuat undi ketika pilihanraya di kalangan golongan muda.


Dalam era multimedia hari ini, kebanyakan pengguna media lebih kerap menggunakan media sosial berbanding media cetak kerana unsur imej visual, bunyi kompleks, grafik bergerak dan menjadikan media sosial lebih interaktif (Willnat et al., 2013) dan berpengaruh dalam mencipta fenomena penyertaan politik yang dramatik (Norhayati, 2008; Sudin, 2017). Selain itu, elemen utama media sosial yang tidak diperolehi daripada media tradisional adalah media sosial membuka platform penggunanya berinteraksi secara meluas dalam satu-satu masa dan maklumbalas diterima lebih pantas (Fatimah & Ali, 2015).

Tambahan pula, literasi media merupakan kemahiran utama yang perlu diukur untuk menyertai politik dalam sistem demokrasi (Mihailidis & Thevenin, 2013) kerana kajian luas tentang keberkesanan literasi media (Calabrese, 2001; Christ & Potter, 1998; T. Koltay, 2011; Martens & Hobbs, 2015; Samani et al., 2011) bukan sahaja melahirkan individu bermoral dan beretika, malah turut membina sebuah masyarakat yang menyertai politik secara berintegriti (Mihailidis & Thevenin, 2013). Kajian membuktikan literasi media adalah pendekatan berkesan untuk mengurangkan impak negatif penggunaan media kerana risiko ini tetap dihadapi oleh individu walaupun terdapat kawalan ibu bapa dan masyarakat terhadap penggunaan kandungan media dan kuantiti pendedahan media (Fingar & Jolls, 2014).

Literasi media merupakan keupayaan untuk menganalisis, menilai bagaimana mesej media mempengaruhi kepercayaan, tingkah laku seseorang dan dalam proses ini, pengguna media yang aktif lebih kritis menerima kesan negatif jika menerima pendedahan maklumat serta mesej di media yang berunsur negative (Mohd Sufiean, Maizatul Haizan, et al., 2020). Selain pendedahan daripada mesej negatif, jenis media dan jumlah kekerapan penggunaan media turut mempengaruhi tahap kesan negatif penggunaan media. Namun, kajian ini berpendapat bahawa kesan negatif penggunaan media mampu di tangani secara berkesan dengan penggunaan media yang lebih bermoral dan berintegriti.

Justeru bagi membentuk dan memperkasakan literasi media di kalangan masyarakat, pengkaji mengadaptasi teori literasi media bagi menghasilkan model untuk menilai tahap kecekapan yang harus ada pada setiap masyarakat era ini. Hal ini membawa kepada siri kajian dalam skop Literasi media merujuk kepada keupayaan untuk mengakses, menganalisis dan proses menyampaikan maklumat menilai dalam pelbagai bentuk melalui media (Aufderheide, 1992) dan bingkai kajian Literasi Media diperhalusi oleh Livingstone (2003) memfokuskan kepada empat kecekapan penggunaan media iaitu aspek akses, analisis, penilaian dan penciptaan. Namun, kedua-dua kajian ini

tidak menyatakan proses penting setelah proses penyampaian maklumat dan penciptaan oleh individu kepada kumpulan sasaran di media sosial, iaitu proses tindakan. Justeru itu, kajian ini merangka kerangka teoretikal literasi media seperti berikut:



Rajah 1 Kerangka Teoretikal Literasi Media

LITERASI MEDIA DALAM ASPEK AKSES DAN PENYERTAAN POLITIK

Penyelidikan yang dilakukan oleh Buckingham (2005) berkaitan literasi media golongan muda mencadangkan agar pendidikan literasi media dijadikan strategi untuk mendorong masyarakat menggunakan media secara berhemah berbanding tindakan menyekat dan penapisan. Antara penekanan yang diberikan adalah dari aspek akses yang memberikan kesan kepada tingkah laku negatif kepada pengguna media. Aspek akses ini memberi kesan kepada pengguna hasil dari maklumat yang diperoleh melalui media baharu malah ianya juga merupakan salah satu aspek penting dalam menangani masalah ketidaksamaan sosial. Walau bagaimanapun, menurut Model Akses Pelbagai oleh Dijk (2005), seseorang itu mesti mempunyai kemahiran akses kepada media sebelum mereka boleh menggunakan media. Perbezaan dalam penggunaan dapat dijelaskan dari tahap kemahiran digital masyarakat (Deursen, & Dijk 2008). Kecekapan akses ini bukan hanya memberi kesan kepada diri, mentaliti dan emosi malah memberi kesan kepada tindakan seseorang.

Jangkaan penyelidikan ini, golongan muda mempunyai tahap akses kepada media sosial yang tinggi dan ini dibuktikan melalui kekerapan penggunaan media sosial. Namun, bagi menilai kesan aspek akses kepada media sosial dengan penyertaan politik turut di ambil kira kemahiran golongan muda dalam mengakses media sosial untuk mengemaskini profail peribadi, menghantar dan berkongsi maklumat dengan pengguna media sosial yang lain (Mohd Sufiean, Siti Nurshahidah, et al., 2020). Selain itu, bagi menilai hubungan aspek akses dengan penyertaan politik turut perlu diberi perhatian adalah kemahiran mencari maklumat melalui aplikasi *search* (Tibor Koltay, 2011).

Akses kepada media terutama media sosial dijangka memberi kesan positif kepada penyertaan politik golongan muda. Perolehan sumber politik lebih mudah dan telus (Koo et al., 2014) berbanding media konvensional seperti televisyen, radio dan surat khabar menjadikan media sosial adalah media popular di kalangan muda memperolehi pengetahuan politik. Di samping itu, media sosial menawarkan aplikasi interaktif, di mana komunikasi dua hala (*real time*), kandungan visual, video dan audio secara langsung meningkatkan keinginan mencari maklumat politik di media sosial di kalangan golongan muda. Keinginan dirangsang oleh faktor mudah faham isu politik yang dipersembahkan melalui audio video berbanding tulisan.

Namun, terdapat juga penyelidikan ke atas kesan akses media sosial kepada penyertaan politik golongan muda turut mendapati media baharu ini tidak memberi kesan kepada aktiviti politik. Ini kerana media sosial yang kerap digunakan oleh golongan muda mengandungi sumber maklumat

provokatif dan sinikal serta berita kontroversi menyebabkan golongan muda tidak berminat menyertai politik. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji hanya menilai dari sudut tahap kepenggunaan dan pendedahan kepada media sosial berbanding tahap akses yang merujuk kepada keupayaan dan kemahiran menggunakan media sosial atau literasi media sosial. Aspek akses yang dinilai dari sudut kemahiran menggunakan media sosial membuktikan tahap penyertaan politik lebih tinggi kerana komponen akses seperti kecekapan akses kepada capaian internet, kemahiran akses aplikasi carian maklumat (*search tool*) dan keupayaan akses pelbagai maklumat merupakan peramal yang kuat kepada aspek akses dan penyertaan politik di kalangan golongan muda. Komponen akses ini membuktikan tahap kemahiran pengguna media sosial adalah keutamaan berbanding penilaian terhadap tahap kepenggunaan dan pendedahan kepada media sosial yang hanya membuktikan tahap asas penggunaan media sosial.

LITERASI MEDIA DALAM ASPEK ANALISIS DAN PENILAIAN

Menurut Hobbs (2010) kecekapan dari aspek analisis dan penilaian bermaksud pengguna mempunyai pemikiran kritis dengan amalan komposisi mesej dan kreativiti secara beretika. Apabila seseorang mempunyai kompetensi literasi media, mereka mengiktiraf hak peribadi orang lain, agenda korporat, budaya dan politik serta menggunakan hak bersuara mereka mengikut landasan undang-undang. Aspek analisis dan penilaian dianggap kemahiran literasi media yang utama. Ini kerana matlamat utama literasi media adalah untuk mengukur penggunaan media dan keupayaan untuk menganalisis maklumat di media (Siti Nurshahidah et al., 2020).

Selepas mengakses kandungan media, satu set kompetensi iaitu analisis dan penilaian diperlukan. Kompetensi ini termasuk keupayaan menganalisis sumber maklumat dan menilai sumber maklumat daripada pelbagai sumber (Lewis, & Jhally 1998). Ini bermaksud pengguna perlu mempunyai keupayaan memahami maklumat dan berfikiran kritis (*Critical Thinking*) untuk membolehkan mereka membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber yang berbeza. Di samping itu, aspek analisis dan penilaian ini mengukur keupayaan golongan muda mencari maklumat politik dan memastikan maklumat tersebut berintegriti yang bercirikan maklumat sahih, tepat dan mempunyai nilai etika serta bermoral (Hobbs 2010).

Aspek analisis dan penilaian menjadi lebih signifikan kepada golongan muda kerana adaptasi teknologi yang lebih pantas berbanding golongan dewasa dan minat mengeksplorasi aplikasi teknologi secara langsung meningkatkan akses kepada maklumat dan seterusnya mendorong kepada aspek analisis dan penilaian sumber (Lee, 2005). Selain dorongan usia, tahap pendidikan golongan muda menjadi indikator terhadap keupayaan menganalisis dan menilai sumber maklumat bagi memperolehi informasi yang tepat serta sahih. Idea ini disokong oleh Arsenijević, & Andevski (2016) yang menjalankan penyelidikan literasi media ke atas komuniti akademik di Serbia mendapatkan bahawa tahap pendidikan melalui bidang pengajian memainkan peranan utama dalam aspek analisis dan penilaian maklumat, di mana bidang teknikal-teknologi lebih mempunyai tahap analisis dan penilaian maklumat yang tinggi berbanding sains sosial. Namun, bidang sosial turut menyumbang kepada aspek analisis dan penilaian, di mana kemahiran kognitif dan psikomotor yang diterapkan di dalam silibus secara langsung melahirkan pemikiran yang kritis (Persson, 2013).

Di samping itu, adaptasi teknologi golongan muda turut signifikan terhadap aspek analisis dan penilaian kerana elemen media sosial yang menawarkan aplikasi interaksi yang interaktif, capaian maklumat lebih mudah berbanding media tradisional (TV, Radio dan Suratkhabar), proses analisis dan penilaian lebih pantas kerana data serta maklumat lebih mudah diperolehi melalui fungsi Enjin Carian (*Search Engine*) dan hal ini secara langsung meningkatkan kecenderungan politik golongan muda. Justifikasi ini turut disokong oleh Maamari dan Zein (2013) dalam penyelidikannya ke atas golongan muda di Lebanon mendapatkan apabila tahap tinggi adaptasi teknologi **Error! Bookmark not defined.** terutama media sosial, ianya meningkatkan kecenderungan politik golongan muda. Ini kerana media sosial menawarkan platform komunikasi baharu yang lebih strategik seperti memberikan interaksi menerima reaksi segera, penyebaran maklumat lebih luas dan pantas, aliran maklumat terkini, mudah dan murah untuk dicapai.

LITERASI MEDIA DALAM ASPEK PENCIPTAAN

Aspek penciptaan merupakan aspek teknikal yang sangat penting kepada individu untuk menghasilkan kandungan media. Kebolehan ini membantu individu mencipta dan menghasilkan kandungan media seperti klip video, gambar, dan teks dengan mudah dan berkesan. Kementerian Pendidikan Finland menekankan aspek penciptaan kandungan media kerana ianya lebih interaktif dan mampu memberi pemahaman dan makna yang ingin dicipta (Commission, 2010). Justeru itu dengan pemahaman yang baik mendorong kepada penghasilan kandungan media yang lebih berkesan dan berhemah terutama dalam isu-isu berkaitan penyertaan politik. Perbincangan terdahulu membuktikan wujud kecenderungan politik di kalangan golongan muda yang membawa kepada aspek akses, analisis dan penilaian dalam literasi media. Aspek ini secara signifikan mempengaruhi kecenderungan politik golongan muda yang membawa kepada pemupukan pengetahuan politik dan mendorong tindakan individu menyertai politik. Namun, senario ini tidak berlaku kepada aspek penciptaan dalam literasi media.

Aspek penciptaan merujuk kepada kemampuan mengarang dan menjana kandungan menggunakan kreativiti serta keyakinan diri dalam mengekspresi idea untuk disebarluaskan kepada netizen (Kahne et al., 2012). Idea ini selari dengan pendapat Hobbs (2010) tentang aspek penciptaan, di mana ia merupakan inisiatif mewujudkan kandungan media dalam pelbagai bentuk dan format seperti penghasilan audio dan video yang menjadikan maklumat lebih interaktif, menggunakan bahasa yang tepat bagi melontarkan pendapat dan idea serta pemilihan visual yang bersesuaian dengan mesej yang akan dikonsikan bersama netizen. Ini jelas digariskan bahawa aspek penilaian memerlukan keupayaan, kemahiran dan keyakinan dalam mencipta serta menjana kandungan politik di media sosial untuk dikongsikan bersama pengguna media sosial yang lain. Keupayaan mencipta kandungan politik dan berkongsi kandungan politik di media sosial disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap efikasi pengetahuan politik (Ha et al., 2014), tahap pendidikan (Berinsky & Lenz, 2011), tahap kecenderungan politik didasari keperluan silibus pengajian (Arsenijević & Andevski, 2016) dan komitmen masa untuk mencipta serta menjana maklumat politik untuk dikongsikan bersama netizen (Östman, 2012).

LITERASI MEDIA DALAM ASPEK TINDAKAN

Aspek tindakan merupakan aspek terpenting kepada individu untuk melakukan sebarang tindakan bermoral maupun provokatif. Aspek ini menurut Hobbs (2010) ialah mengambil bahagian dalam masyarakat yang mempunyai kepentingan bersama mengenai sesuatu isu. Aspek ini juga mendorong seseorang menjadi agen perubahan dalam keluarga dan masyarakat dalam isu-isu politik, undang-undang dan ketidakadilan melalui kemahiran komunikasi. Literasi media menjadikan rakyat mahir menggunakan media untuk menyampaikan maklumat, berkongsi idea dan berita dari perspektif orang lain. Dengan literasi media masyarakat akan lebih jelas terhadap tindakan mereka sama ada memberi kesan positif atau negatif. Hal ini juga akan membuatkan mereka lebih memahami bagaimana untuk bertindak berbanding diambil tindakan.

Chen, Wu & Wang (2011) dalam penyelidikannya yang bertajuk *Unpacking New Media Literacy* menegaskan bahawa literasi media amat penting buat generasi abad ke 21 ini supaya mampu menyertai dan memberi pandangan yang kritis dengan pemahaman yang baik berlandaskan sistem politik, sosial, ekonomi, dan budaya sesuatu masyarakat. Malah menurut mereka, individu yang mempunyai kemahiran tindakan ini mampu membentuk idea dan pendapatnya, menyampaikan pegangan dan kepercayaannya berdasarkan analisis dan penilaian yang dibuat terhadap pelbagai sumber media.

Kemahiran tindakan ini juga dipanggil dengan penyertaan (Jolls, 2008; Thoman & Jolls, 2003). Ia melibatkan kecekapan keupayaan individu menggunakan media untuk menyelesaikan masalah berkaitan, politik, ekonomi dan sosial. Kemahiran ini juga mempunyai sebahagian persamaan dengan kemahiran berkomunikasi. Melalui medium media baharu mereka dapat menyuarakan pandangan dan idea mereka malah dengan teknologi ini membolehkan mereka berinteraksi dengan segera. Hal ini berlaku disebabkan mereka hanya mendapat maklumat dan pandangan tertentu yang telah tersedia sahaja di media arus perdana. Dengan mencipta dan menyampaikan kandungan media,

individu terlibat secara aktif dan mengambil bahagian dalam kehidupan sosial, menyokong pelbagai kumpulan-kumpulan politik dan menjadi warganegara yang aktif dan berkecenderungan mempertahankan ideologi dan hak mereka (Eristi & Erdem, 2017).

Penyelidikan ini percaya bahawa pembentukan tindakan berintegriti penyertaan politik golongan merupakan kesinambungan proses literasi media yang bermula dengan;

1. Akses Media Sosial dan Kecenderungan Politik Berintegriti
2. Analisis dan Penilaian Maklumat Politik Berintegriti
3. Penciptaan Maklumat Politik Berintegriti
4. Tindakan Penyertaan Politik Berintegriti

TINDAKAN PENYERTAAN POLITIK BERINTEGRITI

Penyertaan politik yang bersandarkan kemahiran literasi media secara langsung meningkatkan nilai integriti dan membendung tindakan tidak bermoral. Penggunaan media terutama media sosial dilaporkan mampu meningkatkan aktiviti perkongsian maklumat (Shim et al., 2014), perbincangan politik (Lee et al. 2013) dan meningkatkan interaksi maya (You et al., 2015) yang jika tiada garis panduan jelas akan mendorong pengguna media sosial terutama golongan muda melakukan tindakan tidak berintegriti. Penyelidikan ini percaya bahawa tindakan penyertaan politik berintegriti di dorong oleh kecenderungan politik yang dipandu dengan nilai integriti. Kecenderungan politik berintegriti ini dibentuk melalui akses kepada sumber maklumat politik dan peningkatan kepada penggunaan sumber maklumat politik. Idea ini disokong oleh Gotlieb, & Cheema (2017) yang melaporkan penggunaan media sosial untuk mendapatkan maklumat politik adalah signifikan kepada tindakan penyertaan politik. Penyelidikan ke atas belia di Amerika Syarikat ini turut melaporkan keupayaan mengarang maklumat politik di media sosial lebih signifikan terhadap penyertaan politik. Namun, keupayaan mengarang tanpa kemahiran menganalisis dan menilai sumber berita secara langsung mendedahkan tindakan golongan muda kepada penyertaan politik tidak berintegriti.

Justeru itu, tindakan berintegriti bukan sahaja didorong oleh faktor minat politik dan akses kepada maklumat politik di media sosial, malah golongan muda turut mempunyai kemahiran menganalisis dan menilai sumber maklumat yang diperolehi bagi memperkasakan tindakan berintegriti dengan memuatnaik maklumat politik sahih di media sosial. Definisi sahih dalam penyelidikan ini adalah maklumat yang tiada unsur provokasi, di mana kandungan maklumat tersebut tiada wujud perbandingan antara parti kerajaan dengan parti alternatif. Jika dinilai dari sudut maklumat sahih dan positif, ianya bersifat subjektif bergantung kepada ideologi politik pembaca maklumat tersebut. Justeru itu, penyelidikan ini menetapkan maklumat sahih adalah informasi yang tiada unsur provokasi yang mendorong kepada tindakan tidak berintegriti. Memuatnaik maklumat politik di media sosial memerlukan tahap efikasi politik yang tinggi. Bagi mempunyai tahap efikasi politik yang tinggi, golongan muda mempunyai minat politik, pengetahuan politik dan akses kepada sumber maklumat politik terutama di media sosial. Idea ini disokong oleh Chan (2013) berpendapat bahawa pengetahuan isu semasa hal ehwal politik dan penggunaan sumber politik di media sosial secara langsung meningkatkan tahap efikasi politik golongan muda.

Efikasi politik merujuk kepada keupayaan golongan muda memberi pendapat kepada kerajaan atau ahli politik bagi mempengaruhi keputusan pembentukan polisi. Dijangkakan tahap efikasi mahasiswa mahasiswa penyelidikan ini adalah sederhana kerana tahap minat politik dipengaruhi oleh tahap pendidikan, tertakluk kepada undang-undang universiti dan fokus dalam aktiviti pengajian berbanding aktiviti politik. Namun, senario ini secara langsung memberi gambaran bahawa golongan muda yang bergelar mahasiswa mempunyai tahap tindakan agresif seorang ekstrimis yang rendah. Hal ini memberi justifikasi bahawa tindakan penyertaan politik berintegriti dengan memuatnaik maklumat sahih yang tiada unsur provokasi adalah signifikan untuk penyelidikan ini. Rentetan daripada ini, golongan muda ini secara langsung mengabaikan sebarang bentuk tindakan provokasi politik.

Revolusi teknologi secara langsung membuka platform kepada golongan muda yang ekstrimis bergiat lebih aktif melalui media sosial. Lebih efisyen berbanding media tradisional, media sosial dilaporkan mampu meningkatkan aktiviti ekstrimis bagi mencetus provokasi politik. Di samping itu, media sosial juga platform berkesan dalam menghimpunkan ekstrimis bagi menjayakan tindakan

povokasi politik (Askanius & Uldam, 2011). Pengaruh keluarga yang merupakan institusi sosial yang membentuk nilai, moral dan integriti golongan muda melalui transmisi budaya merupakan agen yang penting. Peranan keluarga mendidik golongan muda kaedah komunikasi berkesan dengan memulakan interaksi berhemah dan menghormati pandangan komuniti (Quintelier, 2014). Hal ini secara langsung membentuk tindakan berintegriti melalui penggunaan media sosial di mana golongan muda mengabaikan tindakan provokasi dan sentiasa memastikan setiap tindakan politik tidak bercanggah dengan nilai agama (Khoury-Kassabri et al., 2015).

Selain keluarga, peranan universiti dalam mengekang tindakan provokasi golongan muda di media sosial tidak disangkal. Perbincangan terdahulu dalam penyelidikan ini merumuskan pelaksanaan AUKU 1971 secara langsung melemahkan penglibatan aktiviti politik di kalangan golongan muda daripada kumpulan mahasiswa kerana sebarang salah laku yang melanggar akta ini tindakan maksimum adalah digantung daripada pengajian. Digantung pengajian memberi kesan buruk kepada masa hadapan golongan muda dan imej keluarga. Keutamaan tanggungjawab golongan muda dalam konteks penyelidikan ini adalah sebagai mahasiswa yang perlu komited menamatkan pengajian dengan keputusan cemerlang (Tenn, 2007) dan bergraduat sebagai modal insan yang diidami industri. Golongan muda ini sedar adalah tidak wajar melibatkan diri dengan aktiviti yang melanggar AUKU 1979 kerana faham implikasi personal diterima akibat ketidakpatuhan tersebut.

Bagaimana rakan-rakan berperanan dalam mengekang tindakan provokasi di media sosial oleh golongan muda?. Menurut Vraga et al. (2015) dalam penyelidikannya terhadap sensitiviti kepada perbezaan pendapat politik membawa kepada tindakan pengabaian memuatnaik maklumat politik di media sosial. Hal ini bagi mengelakkan konflik yang membawa kepada tindak balas *unfriend* atau *unfollow* ke atas akaun media sosial golongan muda. Penyelidikan ini turut disokong oleh Boyd (2007) melaporkan sebarang tindak balas tidak berintegriti seperti *post*, *like* dan *share* maklumat provokasi akan berhadapan tentang serta tekanan rakan-rakan media sosial. Tekanan daripada rakan-rakan mengekang tindakan provokasi politik golongan muda di media sosial (Ludden, 2011). Sebarang perkongsian maklumat politik akan menerima maklum balas negatif, tekanan untuk *delete* entri provokasi politik dan mengabaikan maklumat politik tidak sahif secara langsung membentuk tindakan integriti golongan muda di media sosial (Klofstad et al., 2013). Fenomena ini berlaku kerana wujud *social setting lead to social pressure* yang menjadi peranan utama rakan-rakan di media sosial untuk mengekang tindakan provokasi di media sosial (Klofstad et al., 2013).

Walaupun golongan muda mempunyai kecenderungan tinggi untuk berkongsi maklumat politik bersifat provokasi, tular (*viral*), isu politik sensasi dan membangkitkan cetusan emosi di media sosial (Berger & Milkman, 2012), namun mempunyai rakan-rakan media sosial yang tidak menyokong provokasi, maka kecenderungan tindakan mencetus provokasi golongan muda adalah rendah kerana mempunyai tekanan sosial (*social pressure*) yang tinggi. Penyelidikan ini tidak menyangkal fungsi media sosial dalam membentuk tindakan penyertaan politik berintegriti melalui perbincangan dan forum politik atas talian. Media sosial merupakan platform berkesan masa kini memberi kesan positif kepada penyertaan politik golongan muda.

Perolehan sumber politik lebih mudah dan telus menjadikan media sosial adalah media popular di kalangan golongan muda memperolehi pengetahuan politik. Di samping itu, media sosial menawarkan aplikasi interaktif, di mana komunikasi dua hala secara *real time*, kandungan visual, video dan audio secara langsung meningkatkan keinginan mencari maklumat politik (Lim, & Golan 2011) di media sosial di kalangan golongan muda. Keinginan dirangsang oleh faktor mudah faham isu politik yang dipersembahkan melalui video berbanding tulisan. Hal ini menjadikan media sosial merupakan platform tepat dalam memperolehi maklumat politik.

Maklumat ini secara langsung membina pengetahuan politik golongan muda dan faktor ini dirangkaikan kepada forum serta perbincangan politik atas talian. Tindakan penyertaan politik berintegriti melalui perbincangan politik atas talian turut dijangka membuka ruang perbincangan yang mencetus provokasi (Sweetser & Lee Kaid, 2008). Namun, penyelidikan ini telah melaporkan golongan muda di kalangan mahasiswa akan terus mengabaikan sebarang tindakan provokasi di media sosial berpandukan fungsi agen kawalan sosial tidak formal, iaitu keluarga, universiti dan rakan-rakan. Justeru itu, perbincangan politik dan cetusan idea yang diberikan bersifat perkongsian maklumat dan pengetahuan politik. Di samping itu, golongan muda yang ingin menyertai forum dan perbincangan politik akan daftar masuk (*log in*) kepada platform yang mempunyai aliran ideologi

yang sama (Levendusky et al., 2016). Hal ini bagi memastikan idea dan pendapat yang dicetuskan mendapat sokongan ahli forum yang lain.

Hasil penyelidikan Papacharissi (2004) ke atas kumpulan perbincangan berita (*news group discussion*) mendapati majoriti perbualan dalam talian adalah sivil dan sopan, menggalakkan perbincangan politik maya, dan menyumbang kepada kesejahteraan sfera awam. Ini kerana sebarang provokasi yang dicetuskan dalam platform ini akan diabaikan terutama ianya daripada *fake account user* (Ferrari 2018). Ahli kumpulan perbincangan percaya pengguna (*user*) tidak merujuk kepada identiti asal atau akaun palsu (*fake account*) adalah sumber kredibiliti rendah dan cubaan mencetus provokasi dari sudut jenaka. Kewujudan *fake account user* ini membuktikan pengguna media sosial jelas tentang kesan provokasi di media sosial yang membawa kepada tekanan sosial ke atas pemilik akaun tersebut.

Idea ini turut disokong oleh Tormala, Briñol & Petty (2006) melaporkan perbincangan isu semasa atas talian amat mementingkan kredibiliti sumber. Konsep pemujukan melalui provokasi bagi mengubah tingkah laku individu menyatakan kredibiliti sumber amat penting dalam proses pemujukan. Strategi pemujukan dijangka berjaya jika kredibiliti sumber maklumat tinggi dan jika sumber maklumat itu diperdebatkan kredibilitinya, tindakan provokasi itu bakal berdepan kegagalan.

KESIMPULAN

Literasi media penting bagi mengelak kes salah tafsir dalam kalangan masyarakat. Pelbagai isu terutama maklumat politik sering disalahafsirkan sebelum mengetahui kesahihan sesuatu sumber. Penyampaian maklumat dan komunikasi melalui media sosial merupakan hal yang sinonim dengan masyarakat Malaysia. Oleh itu penting bagi setiap individu mempunyai kebolehan dan terdidik dengan literasi media agar tidak sewenangnya mempercayai maklumat yang diperolehi di media sosial. Apabila maklumat dan berita tidak sahih terutama hal berkaitan politik tersebar di media sosial memberi impak yang besar sehingga mewujudkan kebencian terhadap seseorang ahli politik mahu parti politik. Justeru itu, tahap literasi media yang baik dapat membantu masyarakat membuat perbandingan sesuatu maklumat dengan merujuk kepada sumber lain sebelum membuat andaian atau menghukum, terutama melibatkan isu sensitif dan politik.

Kemahiran literasi media diperakui keberkesanan dalam memandu pengguna media menggunakan media secara berintegriti. Tahap tinggi kemahiran literasi media turut mengurangkan impak media di kalangan pengguna media terutama golongan muda. Justeru itu, kemahiran literasi media merangkumi kecekapan akses media, menilai sumber maklumat politik, mencipta kandungan politik dan tindakan beretika dalam penggunaan media wajar dikuasai. Ledakan teknologi dalam komunikasi meningkatkan tahap minat politik di kalangan golongan muda yang mendorong kepada penyertaan politik yang aktif. Penglibatan golongan muda dalam arena politik membuktikan kumpulan ini mampu mengubah sfera politik negara dan menggugat keselamatan nasional.

Bermula kecekapan akses media, golongan muda yang mempunyai kemahiran literasi media mampu menilai kandungan media secara kritis terutama daripada elemen kepelbagaian sumber dan kasahihan maklumat politik. Pengetahuan politik dibentuk daripada pemikiran kritis membentuk kemahiran literasi seterusnya, iaitu penciptaan. Kandungan media yang dicipta oleh golongan muda yang mempunyai kemahiran literasi media cenderung kepada acuan amalan integriti. Seni gabungan video, audio, teks dan animasi bagi penciptaan kandungan media yang interaktif mempengaruhi kandungan media ini untuk dimuatnaik dan dikongsikan bersama komuniti atas talian. Kemahiran literasi media disahkan menyumbang kepada pembentukan amalan integriti penyertaan politik golongan muda melalui dimensi tindakan.

Golongan muda yang cenderung kepada inovasi teknologi, bertindak sebagai pengguna media yang aktif dalam mencipta kandungan media berciri multimedia iaitu, interaktif, efektif dan komprehensif. Penciptaan kandungan media dengan seni menggabungkan teks, gambar, video dan audio golongan muda yang mempunyai kemahiran literasi media mampu menghasilkan kandungan media bercirikan perspektif terkini dan mencetuskan ideologi politik baharu serta disebarluaskan kepada komuniti atas talian.

Tindakan golongan muda ini mencetus fenomena fasa baharu impak media melalui penciptaan kandungan media yang bermoral, mendorong aktiviti politik di media sosial dibentuk

dengan acuan integriti dan mampu membentuk mobiliti sosial ke arah budaya beretika. Namun, jika penularan maklumat politik berunsur provokasi hasil tindakan golongan muda mencipta video parodi, *deep-fake* atau *super impose* dengan niat untuk menjatuhkan reputasi ahli atau parti politik dan penyebaran maklumat palsu secara langsung membentuk pemikiran dan mobiliti sosial ke arah tidak bermoral.

Dalam kerajaan memperkasakan peranan golongan muda dalam memacu agenda nasional, amalan integriti dalam penyertaan politik yang dibentuk secara langsung melahirkan modal insan yang bermoral. Menyokong hasrat Kementerian Belia dan Sukan dalam inisiatif strategik pemerkasaan anak muda, nilai integriti ini untuk mengangkat potensi golongan muda dalam kepimpinan melalui penyertaan aktiviti politik dan kemasyarakatan.

RUJUKAN

- Arsenijević, J., & Andevski, M. (2016). New media literacy within the context of socio-demographic characteristics. *Procedia Technology*, 22(1), 1142–1151. <https://doi.org/10.1016/j.protcy.2016.01.161>
- Ashley, S., & Maksl, A. (2017). News media literacy and political engagement: what's the connection? *Journal of Media Literacy Education*, 9(1), 79–98. www.jmle.org
- Askanius, T., & Uldam, J. (2011). Online social media for radical politics : climate change activism on YouTube. *Int. J. Electronic Governance*, 70–84.
- Bakker, T. P., & Vreese, C. H. (2011). Good news for the future? Young people, internet use, and political participation. *Communication Research*, 38(4), 451–470. <https://doi.org/10.1177/0093650210381738>
- Berger, J., & Milkman, K. L. (2012). What makes online content viral? *Journal of Marketing Research*, 49(2), 192–205. <https://doi.org/10.1509/jmr.10.0353>
- Berinsky, A. J., & Lenz, G. S. (2011). Education and political participation: exploring the causal link. *Political Behavior*, 33(3), 357–373. <https://doi.org/10.1007/s11109-010-9134-9>
- Boyd, D. M. (2007). Why youth (heart) Social network sites: the role of networked publics in teenage social life. *MacArthur Foundation Series on Digital Learning – Youth, Identity, and Digital Media*, 7641(41), 1–26. <https://doi.org/10.1162/dmal.9780262524834.119>
- Buckingham, D. (2005). The Media Literacy of Children and Young People. In *Ofcom*. <https://www.ofcom.org.uk/>
- Calabrese, A. (2001). *Political Significance of Media Literacy.pdf*. VUB Brussel University Press. www.vubpress.be
- Chan, M., & Guo, J. (2013). The Role of Political Efficacy on the Relationship Between Facebook Use and Participatory Behaviors: A Comparative Study of Young American and Chinese Adults. *Cyberpsychology, Behavior and Social Networking*, 16(6), 460–463. <https://doi.org/10.1089/cyber.2012.0468>
- Chen, D.-T. V., Wu, J., & Wang, Y. (2011). Title Unpacking new media literacy Unpacking New Media Literacy. *Journal of Systemics, Cybernetics and Informatics*, 9(2), 84–88. <http://www.iiisci.org/journal/sci/FullText.asp?var=&id=OL508KR>
- Christ, W. G., & Potter, W. J. (1998). Media Literacy , Media Education , and the Academy. *Journal of Communication*, 5–15. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1998.tb02733.x>
- Commission, E. (2010). *Approaches - existing and possible - to media literacy*. https://ec.europa.eu/culture/library/study-current-trends-and-approaches-media-literacy-europe_en
- Deursen, A. van, & Dijk, J. van. (2008). *Measuring digital skills: Performance tests of operational, formal, information and strategic Internet skills among the Dutch population* (Paper Presented at the 58th Conference of the International Communication Association.).
- Eristi, B., & Erdem, C. (2017). Development of a Media Literacy Skills Scale. *Contemporary Educational Technology*, 8(3), 249–267. https://www.researchgate.net/profile/Cahit_Erdem/publication/318702028_Development_of_a_Media_Literacy_Skills_Scale/links/597872a3aca27203ecc4189a/Development-of-a-Media-Literacy-Skills-Scale.pdf

Literacy-Skills-Scale.pdf

- Fatimah, A., & Ali, S. (2015). Partisipasi politik belia secara “online” melalui ruang demokrasi maklumat media baru. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 81–100.
- Ferrari, E. (2018). Fake accounts, real activism: Political faking and user-generated satire as activist intervention. *New Media and Society*, 20(6), 2208–2223. <https://doi.org/10.1177/1461444817731918>
- Fingar, K. R., & Jolls, T. (2014). Evaluation of a school-based violence prevention media literacy curriculum. *Injury Prevention*, 20(3), 183–190. <https://doi.org/10.1136/injuryprev-2013-040815>
- Gotlieb, M. R., & Cheema, S. E. (2017). From consumer to producer: motivations, internet use, and political consumerism. *Information Communication and Society*, 20(4), 570–586. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2016.1202301>
- Ha, L. S., Wang, F., Fang, L., Yang, C., Hu, X., Yang, L., Yang, F., Xu, Y., & Morin, D. (2014). Political Efficacy and the Use of Local and National News Media Among Undecided Voters in a Swing State: A Study of General Population Voters and First-Time College Student Voters. *Electronic News*, 7(4), 204–222. <https://doi.org/10.1177/1931243113515678>
- Hobbs, R. (2010). *Digital and Media Literacy: A Plan of Action*. http://www.knightcomm.org/wp-content/uploads/2010/12/Digital_and_Media_Literacy_A_Plan_of_Action.pdf
- Jolls, T. (2008). *Literacy for the 21st Century an overview & orientation guide to media literacy education*. Center for Media Literacy. http://www.medialit.org/sites/default/files/mlk/01_MLKorientation.pdf
- Kahne, J., Lee, N.-J. N. N.-J. N., & Feezell, J. T. (2012). Digital media literacy education and online civic and political participation. *International Journal of Communication*, 6(1), 1–24. <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-84859851229&partnerID=40&md5=58b0d363ecf686165af37c359201bf4e>
- Khouri-Kassabri, M., Khouri, N., & Ali, R. (2015). Arab youth involvement in delinquency and political violence and parental control: The mediating role of religiosity. *American Journal of Orthopsychiatry*, 85(6), 576–585. <https://doi.org/10.1037/ort0000079>
- Klofstad, C. A., Sokhey, A. E., & Mcclurg, S. D. (2013). Disagreeing about Disagreement: How Conflict in Social Networks Affects Political Behavior. *American Journal of Political Science*, 57(1), 120–134. <https://doi.org/10.1111/j.1540-5907.2012.00620.x>
- Koltay, T. (2011). The media and the literacies: media literacy, information literacy, digital literacy. *Media, Culture & Society*, 33(2), 211–221. <https://doi.org/10.1177/0163443710393382>
- Koltay, T. (2011). The media and the literacies: media literacy, information literacy, digital literacy. *Media, Culture & Society*, 33(2), 211–221. <https://doi.org/10.1177/0163443710393382>
- Koo, C., Chung, N., & Kim, D. J. (2014). How do social media transform politics? The role of a podcast, “Naneun Ggomsuda” in South Korea. *Information Development*, 1–14. <https://doi.org/10.1177/0266666913516883>
- Lee, L. (2005). Young people and the Internet. *Young*, 13(4), 315–326. <https://doi.org/10.1177/1103308805057050>
- Lee, N.-J. N. J., Shah, D. V., & McLeod, J. M. (2013). Processes of Political Socialization: A Communication Mediation Approach to Youth Civic Engagement. *Communication Research*, 40(5), 669–697. <https://doi.org/10.1177/0093650212436712>
- Levendusky, M. S., Druckman, J. N., & McLain, A. (2016). How group discussions create strong attitudes and strong partisans. *Research and Politics*, 3(2), 1–6. <https://doi.org/10.1177/2053168016645137>
- Lewis, J., & Jhally, S. (1998). The struggle over media literacy. *Journal of Communication*, 48(1), 109–120. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1998.tb02741.x>
- Lim, J. S., & Golan, G. J. (2011). Social Media Activism in Response to the Influence of Political Parody Videos on YouTube. *Communication Research*, 38(5), 710–727. <https://doi.org/10.1177/0093650211405649>

- Lippmann, W. (1922). *Public Opinion*. Harcourt, Brace and Company.
- Ludden, A. B. (2011). Engagement in school and community civic activities among rural adolescents. *Journal of Youth and Adolescence*, 40(9), 1254–1270. <https://doi.org/10.1007/s10964-010-9536-3>
- Maamari, B. E., & Zein, H. E. (2013). The Impact of Social Media on the Political Interests of the Youth in Lebanon at the Wake of the Arab Spring. *Social Science Computer Review*, 32(4), 496–505. <https://doi.org/10.1177/0894439313512777>
- Martens, H., & Hobbs, R. (2015). How Media Literacy Supports Civic Engagement in a Digital Age. *Atlantic Journal of Communication*, 23(2), 120–137. <https://doi.org/10.1080/15456870.2014.961636>
- Mihailidis, P., & Thevenin, B. (2013). Media Literacy as a Core Competency for Engaged Citizenship in Participatory Democracy. *American Behavioral Scientist*, 57(11), 1611–1622. <https://doi.org/10.1177/0002764213489015>
- Mohd Sufiean, H., Maizatul Haizan, M., & Siti Nurshahidah, S. A. (2020). Analisis Psikometrik Literasi Media Baharu dan Pemantapan Integriti Penyertaan Politik Golongan Muda. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 143–166.
- Mohd Sufiean, H., Siti Nurshahidah, S. A., Abdul Mutalib, M. A., Maizatul Haizan, M., & Mohd Afendi, D. (2020). Measuring the Integrity of Young People Political Participation : Psychometric Analysis of Media Literacy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(2), 12–33. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i2/6857>
- Norhayati, M. S. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (Pru-12) : “Tsunami” Politik Melayu ? *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 35(April), 49–64.
- Östman, J. (2012). Information, expression, participation: How involvement in user-generated content relates to democratic engagement among young people. *New Media and Society*, 14(6), 1004–1021. <https://doi.org/10.1177/1461444812438212>
- Papacharissi, Z. (2004). Democracy online: Civility, politeness, and the democratic potential of online political discussion groups. *New Media and Society*, 6(2), 259–283. <https://doi.org/10.1177/1461444804041444>
- Persson, M. J. (2013). *Does education cause participation in politics?* University of Gothenburg.
- Rodman, G. (2010). *Mass Media in Changing World*. Mc Graw Hill.
- Samani, M. C., Maliki, J., & Abd, N. (2011). Literasi Media: Ke Arah Melahirkan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 2, 41–64.
- Shim, H., You, K. H., Lee, J. K., & Go, E. (2014). Why do people access news with mobile devices? Exploring the role of suitability perception and motives on mobile news use. *Telematics and Informatics*, 32(1), 108–117. <https://doi.org/10.1016/j.tele.2014.05.002>
- Siti Nurshahidah, S. A., Mohd Sufiean, H., Abdul Mutalib, M. A., Anisafina, M., & Siti Najah Raihan, S. (2020). Media literacy dimension in reinforcing political participation integrity among young people in social media. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(3), 309–329. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v10-i3/7053>
- Sudin, M. N. (2017). *Berulangkah “tsunami” politik bandar?* Utusan Online. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/berulangkah-8216-tsunami-8217-politik-bandar-1.459718>
- Sweetser, K. D., & Lee Kaid, L. (2008). Stealth soapboxes: Political information efficacy, cynicism and uses of celebrity weblogs among readers. *New Media and Society*, 10(1), 67–91. <https://doi.org/10.1177/1461444807085322>
- Tenn, S. (2007). The effect of education on voter turnout. *Political Analysis*, 15(4), 446–464. <https://doi.org/10.1093/pan/mpm012>
- Thoman, E., & Jolls, T. (2003). *Literacy for the 21 Century: An overview & orientation guide to media literacy education* (Issue 2003). Center for media literacy.
- Tormala, Z. L., Briñol, P., & Petty, R. E. (2006). When credibility attacks: The reverse impact of source credibility on persuasion. *Journal of Experimental Social Psychology*, 42(5), 684–691. <https://doi.org/10.1016/j.jesp.2005.10.005>
- Van Dijk, J. A. G. M. (2005). The Deepening Divide: Inequality in the Information Society: Policy Perspectives. In *Communication*. National University Singapore.

<https://doi.org/10.4135/9781452229812>

- Vraga, E. K., Thorson, K., Kligler-Vilenchik, N., & Gee, E. (2015). How individual sensitivities to disagreement shape youth political expression on Facebook. *Computers in Human Behavior*, 45, 281–289. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2014.12.025>
- Willnat, L., Wong, W. J., Tamam, E., & Aw, A. (2013). Online media and political participation: The case of Malaysia. *Mass Communication and Society*, 16(4), 557–585. <https://doi.org/10.1080/15205436.2012.734891>
- You, K. H., Lee, J. K., Kang, H., & Go, E. (2015). Participatory or deliberative democracy? Exploring the mediation effects of perceived online deliberation and online interactive activities on social outcomes. *Telematics and Informatics*, 32(2), 205–214. <https://doi.org/10.1016/j.tele.2014.08.004>

BIODATA

Dr. Mohd Sufiean Hassan merupakan pensyarah dan Dekan Fakulti Sains Sosial (FSS), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Emel : sufiean@kuim.edu.my

Siti Nurshahidah Sah Allam merupakan pensyarah kanan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, cawangan Melaka. Emel : shahidah321@uitm.edu.my

Dr Mohd Afendi Daud merupakan pensyarah di Fakulti Sains Sosial (FSS), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Emel : afendi.daud@kuim.edu.my

Zaliffah Abd Wahab merupakan pensyarah, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Emel : zaliffah@uitm.edu.my